

**PERTENTANGAN NILAI AKHLAK ISLAM
DALAM NOVEL *TIVI* MENURUT AL-GHAZALI**
*(THE CONFLICT ON ISLAMIC MORAL VALUES IN TIVI
NOVEL ACCORDING TO AL-GHAZALI)*

Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan

Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali
Eizah Mat Hussien
Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi
Akademi Pengajian Melayu
Universti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Email: sitinuranis1988@gmail.com
inmarlin@um.edu.my
eizah@um.edu.my
taufik@um.edu.my

(Dihantar: 29 September 2020; Diterima: 7 November 2020)

Abstrak

Shahnon Ahmad, Sasterawan Negara Malaysia yang ke-2 banyak menghasilkan karya yang menimbulkan pelbagai isu berkaitan krisis negara baik dari sudut ekonomi, politik dan, sosial dalam kalangan masyarakat dan pemerintah. Novel *TIVI* yang dihasilkan pada tahun 1995 telah menengahkan isu-isu keruntuhan akhlak dalam sebuah keluarga yang menetap di kampung. Isu keruntuhan akhlak tersebut digarap melalui pelbagai watak dan perwatakan yang menyalahi ajaran agama Islam dan nilai norma masyarakat Melayu. Krisis akhlak merangkumi tingkah laku dan tindakan yang tidak bermoral, iaitu sumbang mahram, pergaulan bebas dan, keruntuhan institusi kekeluargaan. Kajian ini

dilaksanakan bagi memahami faktor krisis akhlak yang dilakukan itu amat bertentangan dengan ajaran Islam menggunakan pendekatan *Bidayatul-Hidayah* (2017) oleh Imam Al-Ghazali dari sudut perspektif al-Quran dan al-hadis. Kajian ini menggariskan tiga objektif utama iaitu, mengenalpasti isu keruntuhan akhlak menerusi novel *TIVI*, menganalisis serta menilai kesan keruntuhan akhlak dalam novel tersebut menggunakan pendekatan *Bidayatul-Hidayah*. Penetapan objektif ini terhasil daripada penelitian terhadap kesan penyalahgunaan teknologi yang telah mengakibatkan berlakunya pertentangan nilai akhlak Islam dalam masyarakat Islam. Metodologi yang digunakan adalah kualitatif yang melibatkan pembacaan yang rapi dan tafsiran bahan-bahan bertulis sebagai data sokongan. Dapatan kajian mendapati bahawa isu keruntuhan akhlak yang ditunjukkan dalam novel *TIVI* benar-benar salah disisi agama Islam dan harus dijauhi agar manusia dapat menikmati kehidupan yang aman harmoni baik kehidupan berkeluarga mahupun bermasyarakat.

Kata kunci: *TIVI*, Keruntuhan Akhlak, Sumbang Mahram, Pergaulan Bebas Dan Akhlak Menurut Al-Quran.

Abstract

Shahnon Ahmad, the second Malaysian National Laureate has produced many works of art which raised various issues related to the national crisis from the economic, political and, social point of view among the community and the government. The *TIVI* novel produced in 1995 has highlighted the issues of moral decay in a family living in a village. The issues of morality dealt through various characters that violates Islamic teaching and the Malay norms. Moral crisis includes immoral behaviour and actions, homosexuality, promiscuity and the collapse of family institutions. The study was conducted to comprehend the factors of moral crisis which is contrary to the Islamic teaching. The study also uses *Bidayatul-Hidayah* approaches, which was introduced by Imam Al-Ghazali. It used the perspective of the Qur'an and hadith. This study has three main objectives, namely, to identify the issues of moral decay portrayed in the *TIVI* novel, to analyze and evaluate the impact of moral decay in the novel using the Islamic approach. This objective was set under the premise on the effect of technology abuse which has resulted in the conflict of Islamic moral values in the Muslim's community. The methodology used was a qualitative study which involves careful reading and interpretation of written materials as supporting data. The findings concluded that the issues of moral decay shown in the *TIVI* novel is entirely wrong based on the Islamic perspective and should be avoided so that people can live in harmony in the setting of family institution as well as social institutions.

Keywords: *TIVI*, Immoral Behavior, Homosexuality, Promiscuity and Behavior Based On Qu'ran.

1.0 Pengenalan

Sastera didefinisikan sebagai sebuah teks yang terhasil daripada untaian kata yang diterjemahkan oleh pengkarya melalui bahasa dan tulisan untuk dikongsi kepada khalayak pembaca dan juga sebagai monumen peribadi bagi setiap pengkarya (Mohammad Mokhtar Hassan, 2012: 2). Pentakrifan ini selari dengan pendapat Sabaruddin Ahmad (1979) yang menjelaskan kesusasteraan ialah sebuah karya yang wujud ekoran manifestasi daripada gerak jiwa manusia dan diluahkan melalui bahasa. Teks sastera yang berbentuk prosa seperti novel adalah lebih nyata, jelas dan mudah difahami secara langsung berbeza dengan penulisan puisi yang dikategorikan sebagai karya 'dua lapis' yang memerlukan pemikiran secara kritis untuk memahami maksud yang disampaikan oleh pengarang. Meskipun teks-teks kesusasteraan Melayu atau bangsa-bangsa lain pun di dunia ini dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan daripada pelbagai latar belakang penulis, matlamat penghasilan kesusasteraan tetap sama, iaitu untuk memaparkan kehidupan masyarakat disekeliling.

Kroeber (1971:113) pula mentakrifkan novel sebagai satu sifat realiti manusia dalam menghayati kehidupan, menentukan arah dan tujuan mereka, berinteraksi sesama mereka, berinteraksi dengan alam, menghayati zaman kini dan mengingati kehidupan zaman lampau mereka. Secara ringkasnya, tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan penghasilan karya sastera adalah keadaan realiti masyarakat dan bukan semata-mata

bersifat cereka. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan Azhar Hj. Wahid (2013) yang menyatakan bahawa usaha seseorang pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya bukan hanya bermain-main dengan dunia imaginasi sahaja, tetapi turut memberi makna serta memaknakaninya dengan dunia sebenar.

Kaedah kepengarangan sedemikian dilihat turut dipraktikkan oleh Sasterawan Negara, Shahnnon Ahmad menerusi karya-karya beliau. Setelah diteliti gaya kepengarangan Shahnnon Ahmad, didapati Shahnnon Ahmad sememangnya kreatif dalam menjadikan keadaan persekitaran sebenar masyarakat khususnya berkaitan isu garapan idea, subjek, pemikiran serta persoalan-persoalan sebagai landasan penghasilan karya. Novel-novel penulisan Shahnnon didapati lebih berani, kritis dan kreatif dalam menyampaikan pemikiran politik berbanding dengan penulis-penulis lain kerana Shahnnon Ahmad berkarya secara lebih terbuka khususnya dalam memberikan pandangannya terhadap golongan pemerintah di Malaysia (Ali, A.B. M. 2009:2). Justeru, dapat dinyatakan bahawa Shahnnon Ahmad merupakan salah seorang penulis yang turut menghasilkan karya berkaitan isu realiti budaya dan corak kehidupan masyarakat Melayu. Setiap karya yang dilahirkan oleh beliau akan dimuatkan dengan peraturan sosial, adat, teknologi, pendidikan, ekonomi, politik dan juga konflik masyarakat. Semua isu tersebut akan digerakkan dengan perwatakan yang didasari dengan moral atau akhlak serta tindakan yang ditonjolkan melalui watak yang dibina oleh penulis.

Bertitik tolak daripada itu, penelitian secara berfokus terhadap sesuatu isu yang diangkat oleh Shahnnon Ahmad khususnya konflik keruntuhan akhlak menerusi novel *TIVI*, adalah wajar kerana tidak mustahil penulis ingin menyampaikan mesej dan teguran

kepada masyarakat mengenai krisis sosial yang melanda dalam masyarakat Melayu. Justeru, kajian ini akan menganalisis isu-isu keruntuhan akhlak masyarakat yang telah ditunjukkan menerusi novel *TIVI* berdasarkan cetusan idea Shahnnon Ahmad yang cetakan pertamanya dikeluarkan pada tahun 1995. Novel *TIVI* ini dikaji menerusi aspek keruntuhan akhlak bagi memperlihatkan krisis sosial masyarakat desa yang diketengahkan oleh pengarang. Berdasarkan penelitian yang telah dijalankan, didapati pelbagai krisis sosial yang melibatkan isu-isu keruntuhan akhlak yang telah dijadikan sebagai tunjang utama karya tersebut. Isu-isu tersebut diketengahkan atau disampaikan secara langsung ataupun tidak langsung melalui watak dan perwatakan, dialog, peristiwa dan teknik naratif pengarang.

2.0 Pernyataan Masalah

Kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan Rohayati Derani (2004, p. 5) yang menyatakan arus pembangunan dan berkembangnya yang semakin pesat dalam sesebuah negara dengan pelbagai ciptaan sains dan teknologi juga akan menjadikan semakin meluasnya keruntuhan akhlak, gejala sosial, jenayah dan keganasan. Hal ini kerana kegagalan masyarakat dalam memanfaatkan kemajuan teknologi di landasan yang betul mengakibatkan berlakunya pertentangan nilai akhlak Islam khususnya dalam masyarakat Islam seperti yang dipaparkan menerusi novel *TIVI*. Keadaan sedemikian juga membuktikan kegagalan institusi kekeluargaan dalam mengurus tadbir institusi keluarga khususnya dalam pendidikan anak-anak. Ibu bapa seharusnya bijak mengawal anak-anak dan bukan sebaliknya. Ibu bapa seharusnya menggunakan teknologi yang ada

pada masa kini dalam proses mendidik anak-anak kerana alternatif tersebut adalah cara yang paling sesuai mengikut zamannya (Mohd Fadzilah Kamsah dan Rahmat Ismail, 1996, p. 46 dalam Rohayati Derani 2004, p. 6). Selain itu, novel *TIVI* sememangnya memaparkan standard moral yang rendah dan harus diteliti serta difahami untuk masyarakat sama-sama menghindari gejala keruntuhan akhlak sedemikian dalam kehidupan seharian.

3.0 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif dalam makalah ini, iaitu:

- (i) Mengenalpasti isu keruntuhan akhlak dalam novel *TIVI* (1995) karya Shahnun Ahmad.
- (ii) Menganalisis isu keruntuhan akhlak menggunakan pendekatan *Bidayatul-Hidayah* oleh Imam Al- Ghazali.
- (iii) Merumuskan kesan keruntuhan akhlak yang terdapat dalam novel *TIVI*.

4.0 Pendekatan Kajian

Pemilihan Kitab *Bidayatul-Hidayah* (2017) ini sebagai salah satu pegangan dalam menganalisis elemen keruntuhan akhlak kerana kitab ini menjelaskan secara terperinci mengenai akhlak, adab, dan panduan hidup hidup sebagai seorang muslim sejati. Pendekatan *Bidayatul-Hidayah* karya Imam Al-Ghazali merupakan sebuah karya yang menyediakan bahan-bahan rujukan untuk dijadikan panduan kepada manusia dalam meneliti aspek akhlak *mahmudah* dan akhlak *mazmumah* (Lukamn Latif, 2016, p. 6). Menurut al-Ghazali (1996), sekiranya akhlak itu mulia menurut pertimbangan yang

dinyatakan menerusi al-Quran dan hadith, maka akhlak tergolong dalam perkara kebaikan dan sekiranya buruk mengikut kedua-duanya maka ia tergolong dalam perkara keburukan. Justeru, penentuan sama ada isu yang diketengahkan sama ada mempunyai nilai yang tinggi atau rendah akan berpandukan al-Quran dan hadith. Hal kerana al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang lengkap diturunkan dari Luh Mahfuz seterusnya kepada Rasulullah SAW selama 23 tahun (Nasarudin Desa, etl, 2018). Kedudukan al-hadith dalam Islam dan peranan serta pengaruhnya kepada perundangan Islam sejak zaman Rasulullah SAW dan sahabat Baginda hingga zaman para Imam Mujtahid (Mohd Muhiden Abdul Rahman, 1996:27). Pendekatan *Bidayatul-Hidayah* mempunyai tiga bahagian, iaitu adab-adab melaksanakan ketaatan, membincangkan aspek maksiat zahir dan batin dan adab-adab pergaulan dan persahabatan (2017: 13). Imam al-Ghazali (2008:313) menjelaskan bahawa maksiat terbahagi kepada dua iaitu maksiat zahir yang berlaku daripada tindakan-tindakan anggota zahir dan maksiat batin pula merujuk kepada maksiat batin yang muncul daripada qalbu (hati) manusia. Menerusi pendekatan *Bidayatul-Hidayah* (2017:4) bahagian kedua, Imam al-Ghazali telah memperincikan jenis-jenis maksiat zahir iaitu terdiri daripada perlakuan-perlakuan yang menyalahi syariat Islam seperti melakukan tindakan-tindakan yang menggambarkan keadaan seseorang individu yang tidak menjaga kehormatan diri, tidak menjaga hubungan sesama manusia, melakukan maksiat dan zina perbuatan. Oleh demikian, pemilihan pendekatan *Bidayatul-Hidayah* menerusi bahagian dua merupakan pilihan yang tepat bagi menjawab objektif kajian yang ditetapkan, iaitu membahaskan isu pertentangan nilai akhlak Islam menerusi novel *TIVI* yang hanya berfokuskan maksiat zahir sahaja.

5.0 Sorotan Kajian

Penelitian kajian lepas mengenai novel *TIVI* dan unsur keruntuhan akhlak dilihat amat menggalakkan. Walau bagaimanapun, kajian lepas yang mengkaji teks sastera dengan menggunakan pendekatan *Bidayatul-Hidayah* masih terbatas. Berdasarkan bahan penulisan artikel dan tesis telah dikenalpasti, pengkaji mendapati bahawa kajian ini relevan dan penting bagi masyarakat umum khususnya golongan yang melakukan penyelidikan dalam bidang yang sama.

Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016: 52-63) menerusi artikel yang bertajuk *Unsur Konflik Dalam Novel Remaja Terpilih* melalui tiga novel remaja terpilih iaitu *6:20*, *Merenang Gelora* dan *Azfa Hanani*. Penyelidikan berkaitan isu keruntuhan akhlak telah dilakukan dengan berlandaskan teori Humanistik (Abraham Maslow, 1971). Hasil kajian mendapati bahawa isu konflik yang wujud dalam masyarakat menerusi novel-novel kajian adalah berpunca daripada konflik golongan remaja. Antara isu keruntuhan akhlak yang telah dikenalpasti adalah masalah moral masyarakat seperti hasad dengki, dendam, penggunaa kata-kata kesat dan banyak lagi. Kesemua akhlak perlakuan tersebut menyalahi etika sebagai anggota masyarakat serta melanggar prinsip agama dan moral sehingga boleh menyebabkan kemudaratan masa depan diri, keluarga serta masyarakat. Melalui kajian ini, pengkaji juga menegaskan bahawa ketiga-tiga novel yang dikaji memaparkan pergolakan hidup yang telah dilalui oleh masyarakat remaja pada masa kini yang mana konflik tersebut hadir dalam keluarga, konflik dalam diri dan konflik dengan rakan sebaya.

Ahmad Robby Fuady (2018) dalam artikelnya yang berjudul *Mendoktrinisasikan Alquran Pada Anak Usia Dini Guna Mencegah Demoralisasi Berkelanjutan* membincangkan kepentingan al-Quran dalam menyelesaikan masalah keruntuhan akhlak dalam masyarakat Indonesia. Ahmad Robby Fuady menyatakan masalah keruntuhan akhlak seperti pergaduhan, pergaulan bebas, dan pelbagai masalah jenayah sangat yang berlaku dalam kalangan remaja hari ini amat membimbangkan. Masalah demoralisasi bukan sahaja berlaku dalam masyarakat yang menetap di bandar malahan turut berlaku di kawasan luar bandar. Beliau juga menyatakan perilaku sedemikian amat bertentangan dengan perilaku sebenar masyarakat Indonesia yang sememangnya menitik beratkan perilaku mulia dalam kehidupan mereka. Selain itu, menerusi artikel ini Ahmad Robby Fuady juga ada menyatakan bahawa terdapat banyak tanda yang menjadi bukti kewujudan elemen keruntuhan akhlak antaranya adalah hilangnya "kesetiaan" kepada agama yang dianuti, terlalu taksuf atau taksuf yang berlebihan terhadap sesuatu perkara dan terlalu memudahkan hal-hal agama. Berdasarkan hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahmad Robby Fuady jelas menunjukkan bahawa pengetahuan dan penguasaan ilmu agama khususnya khususnya memahami ajaran al- Quran menjadi asas utama dalam menjauhi demoralisasi dalam kehidupan bagi setiap individu.

Nasarudin Desa, *et. al.* (2018, p. 55) telah membahaskan tentang kepentingan akhlak dalam mencorakkan kehidupan manusia kerana menentukan tingkah-laku dan perbuatan sama ada baik atau buruk. Masyarakat pada hari ini dicemari dengan pelbagai krisis akhlak merangkumi tingkah laku dan perbuatan tidak bermoral seperti berkelakuan tidak sopan di tempat awam, sumbang mahram dan zina yang akhirnya menyebabkan

kelahiran anak luar nikah. Situasi sedemikian jelas menunjukkan betapa masyarakat kita sedang berhadapan dengan masalah keruntuhan akhlak yang sangat serius.

Kajian Abdullah Sulong dan Mawaddah Abdullah (2010) mendapati bahawa sememangnya keruntuhan akhlak remaja berkait rapat dengan kewujudan dan kemajuan elektronik. Media elektronik yang menyiarkan pelbagai jenis rancangan yang disertai dengan pelbagai gaya atau pembawakan diri hos dan aktor telah menjadi sebahagian faktor penyumbang keruntuhan akhlak. Keadaan ini kerana para remaja mempunyai rasa keinginan yang tinggi untuk meniru gaya pembawakan diri yang ditonton menerusi media elektronik khususnya dari segi gaya pemakaian. Buktinya, hasil kajian mendapati sebanyak 89.6% pelajar berminat dengan cara berpakaian yang disiarkan di dalam drama atau filem kerana bagi mereka yang mencerminkan fesyen berpakaian masa kini.

6.0 Metodologi Kajian

Kaedah kajian adalah kualitatif deskriptif secara sepenuhnya melibatkan kaedah analisis dokumen untuk mendapatkan data menerusi novel *TIVI* (1995) karya Shahnnon Ahmad. Setelah proses pengumpulan data dilakukan dengan tepat mengikut objektif yang ditetapkan, maka kaedah perbincangan analisis dengan sistematik. Analisis bagi menjawab objektif kajian didasari dengan pendekatan *Bidayatul-Hidayah* yang diasaskan oleh Imam Al-Ghazali dan disertakan dengan data sokongan daripada petikan ayat al-Quran dan hadis sahih. Kajian ini akan mengemukakan tiga data yang menunjukkan elemen keruntuhan akhlak untuk dianalisis menggunakan pendekatan yang telah ditetapkan.

7.0 Dapatan Kajian

Novel *TIVI* (1995) karya Shahnnon Ahmad sememangnya jelas mengetengahkan isu-isu berkaitan dengan krisis sosial yang berlaku dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Persoalan yang diangkat menerusi novel ini adalah berkaitan dengan isu keruntuhan akhlak watak-watak ekoran daripada kegagalan mereka dalam menerima kemajuan teknologi dengan cara yang betul. Novel ini memaparkan pelbagai jenis keruntuhan akhlak yang berlaku kepada masyarakat zaman 1960- an boleh dikategorikan sebagai krisis akhlak. Menurut Nasarudin Desa @ Man *etl* (2018) menyatakan bahawa krisis akhlak merupakan suatu kemerosotan (kerusakan) budi pekerti yang sudah mencapai peringkat yang membimbangkan. Keruntuhan akhlak bermaksud rosaknya akhlak seseorang, masyarakat, bangsa atau negara dengan melakukan hal-hal yang menyalahi, menyimpang dan bertentangan dengan nilai akhlak terpuji, etika dan moral yang diajar dalam agama (Rashid, A. M., & Hamid, N. A. A. (2014)). Antara keruntuhan akhlak yang sering ditemui seperti terlibat dengan seks bebas, berkhalwat, bersekududukan, lari dari rumah, penagihan dadah dan meminum minuman keras, lepak, lumba haram dan banyak lagi. Secara khususnya, menerusi agama Islam definisi keruntuhan akhlak mempunyai persamaan dengan takrifan akhlak mazmumah kerana kedua-dua kata ini membawa maksud perilaku-perilaku negatif yang bertentangan dengan kehendak Allah SWT dan nilai-nilai norma sebagai manusia.

Melihat kepada takrifan ini, keruntuhan akhlak yang digambarkan melalui novel *TIVI* sememangnya suatu fenomena yang membimbangkan berpunca daripada penyalahgunaan kemajuan atau teknologi. Suatu penelitian serius dalam memahami isu

keruntuhan akhlak menerusi teks sastera harus dilakukan bagi memberi pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat berkaitan perkara-perkara negatif yang patut dihindari. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada analisis keruntuhan akhlak dalam novel *TIVI* dengan meneliti tiga aspek krisis sosial yang utama, iaitu pergaulan bebas, salah laku seksual dan, keruntuhan institusi kekeluargaan. Al-Quran dan hadis dijadikan asas utama dalam menentukan sesebuah bentuk akhlak itu rendah atau tinggi.

7.1 Pergaulan Bebas

Keruntuhan akhlak menerusi novel *TIVI* ini menyerlahkan isu pergaulan bebas dalam kalangan masyarakat Melayu Islam pada zaman peralihan iaitu daripada zaman tanpa teknologi kepada zaman teknologi di Tanah Melayu. Perkembangan teknologi sememangnya mendatangkan pelbagai kebaikan kepada masyarakat dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, makanan, pembangunan dan banyak lagi. Namun, tidak dinafikan juga bahawa kehadiran teknologi turut membawa kemudaratan kepada masyarakat khususnya dalam pembetulan atau perubahan budaya popular baharu yang boleh mendatangkan kejutan budaya kepada masyarakat seperti pergaulan bebas yang dianggap bertentangan dengan nilai-nilai kemelayuan dan agama Islam sendiri. Salah satu impak media sosial ialah masyarakat terutamanya remaja mudah terpengaruh dengan aksi ganas yang menular di media sosial seperti instagram, facebook, dan whatsapp dan mereka mencuba aksi ganas ini tanpa memikirkan kesan negatif kepada diri sendiri, masyarakat dan negara (Rosli, T., et.al., 2019:272).

Pergaulan bebas yang berlaku antara golongan wanita dan lelaki bukan muhrim dan tanpa ikatan yang sah, iaitu pernikahan. Keadaan digambarkan mula berlaku di kawasan membangun, iaitu kawasan perindustrian dan telah di bawa masuk ke kawasan kampung. Menurut Islam, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan sememangnya ditentang sama sekali kerana akan menimbulkan kemudaratan pada diri sendiri, masyarakat bangsa dan negara. Pergaulan bebas akan mendatangkan pelbagai konflik dalam kehidupan manusia khususnya golongan remaja seperti penurunan prestasi pendidikan, hamil di luar nikah dan terlibat dengan kes-kes juvana yang lain (Suhaida, S., et.al., 2018:430-431).

Selain itu, terdapat juga maksud petikan ayat suci al-Quran dalam surah An-Nur ayat 30 dan 31 (2014:353) yang membincangkan dan memberi peringatan berkaitan pergaulan bebas bagi umat Islam. Ayat-ayat tersebut dengan jelas memberi peringatan kepada golongan lelaki dan wanita yang beriman agar menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Selain itu, perlakuan sedemikian sememangnya amat bertentangan dengan masyarakat Melayu yang amat mementingkan nilai harga diri, sopan santun dan, memiliki perasaan malu yang tinggi lebih-lebih lagi bagi golongan wanita dan gadis seusia Chah.

Budaya pergaulan bebas juga adalah satu bentuk keruntuhan akhlak dan merupakan maksiat yang dilarang dalam agama Islam kerana perbuatan tersebut dikategorikan sebagai maksiat anggota. Menurut Abu Hamid Al-Ghazali menerusi kitab *Bidayatul-Hidayah* berkaitan maksiat pergaulan bebas seperti berikut:

Ketahuiilah bahawasanya apabila engkau melakukan sesuatu maksiat maka sebenarnya engkau melakukan maksiat itu dengan menggunakan anggota badanmu yang merupakan nikmat Allah taala yang dianugerahkan-NYA kepadamu dan menggunakan amanah yang diberikan-NYA kepadamu.

(*Bidayatul-Hidayah*, 2017, p. 13)

Berdasarkan petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa budaya pergaulan bebas yang terjadi melibatkan anggota merupakan salah satu unsur maksiat yang dilarang menerusi agama Islam. Isu pergaulan bebas menerusi novel *TIVI* sememangnya melibatkan sentuhan anggota tubuh badan watak-watak di dalamnya.

Isu keruntuhan akhlak menerusi novel *TIVI* ini diungkapkan melalui gambaran yang diberikan pada watak Chah yang memiliki perwatakan liar dan gemar membawa pulang teman lelaki, serta sering bermesa dengan teman lelakinya di tempat awam dan di rumah keluarganya. Keadaan ini dibuktikan dengan ungkapan-ungkapan yang wujud dalam novel *TIVI* dalam petikan berikut:

Di mana saja mereka berdua berada apabila Chah rasa nak hulur bibir, dia hulur sajalah, senang yang amat sangat. Dan teman jantannya itu pun kokak saja bibir itu. Dalam bas, dekat telaga belakang rumah, malah sedang duduk tengok TV bersama Mat Isa dan kaum keluarga pun, Chah hulur saja bibirnya, apabila terasa nak hulur, dan teman jantannya itu terus saja kokak kuat-kuat macam tak ada apa-apalah.

(Novel *TIVI*, 1995, p. 92)

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa betapa terbuka pemikiran dan tindakan Chah dan teman lelakinya menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak melalui tindakan pergaulan bebas. Melalui petikan tersebut juga, Chah dan teman lelakinya digambarkan sudah hilang perasaan malu dalam diri mereka untuk melakukan maksiat walaupun ditempat terbuka dan sifat tersebut telah mengheret Chah dan teman lelakinya ke lembah maksiat. Keadaan sedemikian sepatutnya tidak harus berlaku kerana menurut perasaan malu mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam serta merupakan salah satu sifat terpuji dan sifat orang beriman (Rezki Perdani Sawai *et.al*, 2017). Tambahnya lagi, perasaan malu mendorong seseorang untuk menjauhkan diri daripada perbuatan yang buruk dan sangat bermanfaat dalam mengendalikan hawa nafsu. Peristiwa sedemikian telah menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat setempat lebih-lebih lagi kepada golongan sanak-saudarnya. Keadaan ini digambarkan melalui peristiwa ibu dan bapa saudara Chah telah berkecil hati kerana beranggapan mereka tidak dijemput ke majlis perkahwinan Chah. Namun setelah mengetahui hal sebenar iaitu Chah sebenarnya belum berkahwin dan hanya mengamalkan perbuatan pergaulan bebas. Keadaan ini menyebabkan sanak saudara Chah diam seribu bahasa untuk seketika waktu dan kemudian mencemuh keluarga Chah sebagai simbol tidak merestui perbuatan Chah dan kekasihnya. Pergaulan tanpa batas antara Chah dan teman lelakinya itu telah menjatuhkan dan mengaibkan maruah keluarganya sendiri. Keadaan ini digambarkan dengan kisah Chah telah menjadi topik perbincangan hangat dari perspektif negatif bagi masyarakat di kampungnya. Hal ini diperlihatkan dalam petikan berikut:

Walaupun orang kata macam-macam terhadap Chah, tetapi Mat Isa merasakan hidupnya tenteram dan aman. Chah tidak buat apa-apa pun kepada mereka kecuali nampak tidak bersopan itulah.

(Novel *Tivi*, 1995, p. 41).

Peristiwa tersebut menimbulkan salah faham antara masyarakat setempat dan mengubah suasana harmoni menjadi huru hara. Pemilihan isu keruntuhan akhlak sebagai isi kandungan cerita memperlihatkan keruntuhan akhlak masyarakat Melayu yang menganut agama Islam.

7.2 Sumbang Mahram

Keinginan seksual dalam diri setiap manusia merupakan satu fitrah yang telah diciptakan oleh maha pencipta sejak azali lagi. Walaubagaimanapun, agama Islam telah menggariskan suatu kaedah perhubungan untuk menikmati fitrah tersebut berlandaskan syariat Islam, iaitu ikatan pernikahan. Meskipun demikian, masih banyak lagi berlaku salah laku seksual dalam masyarakat Melayu yang beragama Islam. Berdasarkan novel *TIVI*, pengarang telah menyetengahkan isu salah laku seksual, iaitu sumbang mahram atau inses (incest) yang berlaku pada watak-watak dengan jelas. Sumbang mahram adalah perhubungan seksual yang berlaku antara lelaki dan wanita yang mempunyai ikatan kekeluargaan dan tidak sah nikah. Menurut Zuliza Mohd. Kusrin dan Fariza Md. Sham (2003) sumbang mahram bermaksud sebagai perlakuan seks yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan cucu perempuan, anak perempuan, kakak, adik perempuan atau ibunya atau antara seorang perempuan yang berumur 16 tahun atau lebih dengan datuk

lelakinya, bapa, abang, adik lelaki atau anak lelakinya dengan kerelaan dan keizinan kedua-dua pihak terbabit. Gejala ini bukan hanya menimpa masyarakat bandar sahaja, tetapi turut melanda masyarakat di luar bandar meskipun kampung atau desa jauh daripada tempat-tempat hiburan seperti kelab malam dan sebagainya.

Budaya sumbang mahram dalam kalangan masyarakat juga boleh ditakrifkan sebagai kegagalan individu tersebut dalam menjaga kemaluan diri daripada perkara haram kerana sumbang mahram merupakan salah satu perbuatan zina. Abu Hamid Al-Ghazali menerusi kitab *Bidayatul-Hidayah* menjelaskan bahawa:

Maka hendaklah engkau menjaga kemaluanmu dari apa-apa yang diharamkan oleh Allah taala dan hendaklah engkau menjadikan dirimu seperti perintah Allah taala.

(*Bidayatul-Hidayah*, 2017, p. 24)

Petikan di atas disokong dengan petikan surah Al-Mukminum, ayat 5-6 yang membawa maksud:

"Dan mereka yang selalu menjaga kemaluan mereka, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau apa-apa yang mereka miliki (daripada amal jariah) maka mereka tidak tercela".

(Surah Al-Mukminum, ayat 5-6)

Petikan tersebut mengukuhkan lagi sumbang mahram yang berlaku tanpa ikatan perkahwinan yang sah adalah satu perbuatan tercela di sisi Allah SWT seperti yang berlaku dalam novel *TIVI* yang dilakukan oleh watak Chah dengan ayah kandungnya, Mat Isa. Menerusi novel tersebut, pengarang mengungkapkan gejala zina masyarakat

luar bandar yang menjadi topik atau isu utama yang diketengahkan. Perlakuan zina yang dipaparkan melalui perbuatan sumbang mahram yang berlaku dalam sebuah keluarga ekoran terpengaruh dengan salah satu medium kemajuan dunia, iaitu televisyen. Sumbang mahram berlaku antara seorang bapa dengan anak-anak perempuannya, iaitu Mat Isa (ayah Chah dan Nah) dengan Chah dan Mat Isa dengan Nah (Hasanah). Perbuatan tersebut jelas memperlihatkan keruntuhan akhlak menurut Islam kerana bertentangan dengan ajaran Islam. Firman Allah SWT. dalam surah al-Baqarah ayat 223 yang membawa maksud "Isteri-isterimu adalah ladang bagimu, maka datangilah ladangmu sesuai dengan kehendakmu". Ayat ini jelas menunjukkan hubungan kelamin hanya boleh dilakukan bersama pasangan suami isteri yang sah, iaitu sudah bernikah mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh agama Islam. Namun, bagi ayah Chah dan Chah, tindakan itu sebagai tanda kemajuan yang harus dicontohi sebagai lambang kemajuan diri kerana bagi mereka sekeluarga, televisyen dianggap sebagai simbol kepada kemajuan masyarakat ketika itu. Bukti melalui petikan berikut:

Mat Isa Bersama-sama anaknya Chah yang dipimpin hebat oleh para hantu milik masing-masing itu sempat pula membunuh dajjal yang tidak pernah direstui oleh sesiapa kecuali hantu-hantu milik Mat isa dari hantu-hantu milik Chah.

(Novel *TIVI*, 1995, p. 116)

Melalui petikan tersebut, jelas menunjukkan bahawa ayah Chah dan Chah sedang rakus dalam menikmati hubungan terlarang, sumbang mahram itu tanpa memikirkan kesan dan akibat daripada perbuatan terkutuk itu. Rentetan daripada peristiwa tersebut,

hubungan antara Chah dan ayah Chah menjadi renggang dan ini menyebabkan barah keruntuhan akhlak melalui tindakan zina telah merebak kepada Hasanah atau Nah, adik Chah. Oleh sebab terlalu mengikut hawa nafsu, Mat Isa melepaskan keinginan hawa nafsunya terhadap adik Chah pula, iaitu Nah. Melalui peristiwa tersebut, ayah Chah (Mat Isa) dan adik Chah (Nah) juga digambarkan melakukan elemen keruntuhan akhlak tersebut tanpa rasa bersalah dan tanpa memikirkan balasan yang akan mereka terima pada masa akan datang sama ada di dunia mahupun akhirat. Kesannya, kedua-dua mereka telah menerima pembalasan Tuhan yang amat berat atas perbuatan terkutuk itu dan meninggal dunia dalam keadaan hina, iaitu mati akibat dipanah petir sehingga tenggelam ke dalam bumi ketika sedang melakukan maksiat. Peristiwa-peristiwa tersebut juga sebagai bukti perlakuan keruntuhan akhlak dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Kejadian sumbang mahram adalah tanda-tanda kepincangan institusi kekeluargaan dalam masyarakat dan menunjukkan negara sedang mengalami kemelut gejala sosial yang meruncing (Azizah Othman dan Azelin Aziz, 2004)

7.3 Keruntuhan Institusi Kekeluargaan

Nasarudin Desa @ Man, *etl.* (2018) menyatakan bahawa akhlak merupakan suatu indikator atau kayu ukur yang penting dalam usaha membangunkan sesebuah tamadun. Justeru itu, pelbagai pihak khususnya keluarga harus berganding bahu dalam memastikan akhlak anak-anak dan anggota masyarakat terjaga. Keluarga seharusnya bertindak sebagai pelindung serta pendidik anak-anak yang paling utama daripada terjerumus kepada salah laku atau keruntuhan akhlak. Institusi sesebuah keluarga akan terpelihara dengan cara menjaga adab terhadap ibu bapa. Abu Hamid Al-Ghazali

menerusi kitab *Bidayatul-Hidayah* menggariskan 12 adab dengan ibu bapa yang harus diamalkan dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Adab yang paling utama adalah anak-anak hendaklah mendengar dan mengikut segala perkataan ibu bapa (*Bidayatul-Hidayah*, 2017, p. 149). Hal ini bermaksud, seorang anak harus mematuhi perintah ibu bapa dan menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mentadbir sesebuah institusi keluarga dengan memerintahkan sesuatu yang membawa ke arah kebaikan. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan petikan surah *al-Isra'* ayat 23 (2014:284) yang membawa maksud Allah SWT meletakkan kewajipan anak-anak untuk berbuat baik kepada ibu bapa dan larangan daripada bercakap kasar dengan ibu bapa meskipun hanya dengan perkataan "ha" (Al-Quran Al-Karim Mushaf Tafsir, 2019:284). Petikan tersebut jelas menunjukkan nilai kehormatan terhadap ibu bapa amat dituntut dalam Islam dan merupakan adab terpuji sebagai muslim sejati. Jika adab ini ditentang dengan cara memberi kuasa kepada anak-anak untuk mengeluarkan perintah terhadap ibu bapa, maka keadaan ini sudah bercanggah dengan ajaran Islam dan boleh menyebabkan kepincangan keluarga seperti yang digambarkan melalui novel *TIVI*.

Fenomena keruntuhan institusi kekeluargaan yang dipaparkan menerusi novel *TIVI* dapat dilihat apabila pengarang bertindak berani dalam memaparkan isu keruntuhan akhlak yang berpunca penuh daripada pengaruh keluarga sendiri. Keadaan ini dibuktikan dengan pelbagai peristiwa dari aspek salah laku akhlak serta kecuaiian dan kegagalan ibu bapa dalam memainkan peranan sebagai peneraju keluarga. Ibu bapa merupakan orang yang memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi anak-anak dan didikan tersebut boleh menjamin kejayaan anak-anak di masa hadapan sama ada terlibat

dengan perkara-perkara atau perlakuan-perlakuan yang positif atau negatif (Halimah Ab. Rahman dan Kamariah Ibrahim, 1993:43). Sepanjang jalan cerita yang digarap menerusi novel *TIVI*, pengarang menghadirkan adegan zina antara seorang bapa dan dua anak gadisnya sebanyak dua kali. Keruntuhan akhlak jelas terpancar apabila menerusi kedua-dua adegan itu. Bapa dan anak-anak perempuannya tidak rasa bersalah, malahan gembira dengan perbuatan terkutuk mereka. Hal ini menunjukkan barah terbesar dalam sesebuah institusi kekeluargaan telah merebak. Selain itu, keruntuhan akhlak yang digambarkan menerusi novel *TIVI* diwakili dengan peristiwa ayah Chah dan mak Chah, iaitu Jeha menyerahkan dan memberi autoriti kepada Chah dalam mentadbir institusi kekeluargaan mereka. Hal ini diperlihatkan dalam petikan berikut:

Itulah, apabila Chah kata nak beli TV untuk maknya tengok dan ayahnya tengok sama, ayahnya setuju sangat-sangat. Kita mesti ikut apa yang anak kita suruh sebab dia sekarang kerja makan gaji. Jangan dengar sangat pak-pak lebai di kampung itu, sebab mereka tidak tahu apa-apa yang sedang berlaku dalam dunia sekarang ini. Chah tahulah.

(*TIVI*, 1995, p. 15)

Petikan tersebut jelas menunjukkan berlakunya keruntuhan institusi keluarga dengan berlakunya situasi ibu bapa Chah telah hilang pertimbangan ekoran terlalu sayang dan merasa terhutang budi kepada Chah. Mat Isa dan Jeha menganggap Chah sangat berjasa kepada mereka kerana telah mengubah ekonomi keluarga dan akan membawa masuk teknologi yang diyakini dapat membahagiakan mereka sekeluarga. Autoriti yang dilepaskan kepada Chah itu amatlah tidak wajar. Kesannya keluarga Mat

Isa dan Jeha telah berhadapan dengan kepincangan hidup hingga ke akhir hayat mereka. Dalam novel ini, pengarang seolah-olah mengingatkan bahawa akhlak ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk anak-anak mereka. Jika akhlak ibu bapa tidak baik, maka memberi akan kesan yang negatif terhadap akhlak anak-anak mereka.

8.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya pengarang telah menghasilkan sebuah karya yang mengetengahkan isu keruntuhan akhlak dalam masyarakat Melayu ketika negara sedang mengalami perkembangan ekonomi. Negara semakin maju dan rakyat menikmati kehidupan yang lebih selesa dengan kemunculan alat-alat komunikasi yang lebih moden. Perkembangan teknologi ini mendatangkan kesan negatif terhadap kehidupan masyarakat jika tidak digunakan dengan sebaik-baiknya. Hakikatnya, novel ini turut merupakan kritikan sosial tentang kebodohan masyarakat dalam menggunakan kemajuan dalam kehidupan khususnya dalam pembangunan insaniah dan rohaniah masyarakat. Masyarakat perlu memperkukuhkan keimanan mereka dengan menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai panduan hidup di dunia ini. Dengan kekuatan pegangan agama, maka keruntuhan moral dalam masyarakat dapat diperbaiki atau dibendung.

Rujukan

Ahmad, S. (1979). *Kesusastraan Minang klasik dan hubungannya dengan kesusatraan Indonesia*. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Proyek Penerbitan Buku Bacaan dan Sastra Indonesia dan Daerah.

Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi, Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, Eizah Mat Hussien & Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi, "Pertentangan Nilai Akhlak Islam Dalam Novel TIVI Menurut Al-Ghazali" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020):185 - 209

Al-Ghazali, I. (2008). *Ringkasan ihya'ulumuddin*. Akbar Media.

Al- Quran Pelangi Rasmi Uthmanis. (2014). *Al-Quran Al-Karim*. Pustaka Darul Iman @ PDI Publication Sdn. Bhd.

Azizah Othman & Azelin Aziz (2004). *Fenomena sumbang mahram di kalangan masyarakat Islam di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.

Ali, A. B. M. (2009). *Pemikiran Politik Dan Pembinaan Negara Bangsa Dalam Novel Terpilih Shahnnon Ahmad Dan Putu Wijaya: Satu Kajian Bandingan*. Universiti Sains Malaysia.

Azhar Haji Wahid. (2013). *Ingin Jadi Pujangga: Tanggapan kritikan sosial kemasyarakatan*. Dlm. (2013). *Kritikan intelektualisme sastera Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.

Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah. (2010). Pengaruh media elektronik terhadap keruntuhan akhlak pelajar. *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*, 1-9.

Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi, Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, Eizah Mat Hussien & Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi, "Pertentangan Nilai Akhlak Islam Dalam Novel TIVI Menurut Al-Ghazali" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020):185 - 209

Halimah Ab. Rahman dan Kamariah Ibrahim. (1993). *Pengurusan dan Pengelolaan Pusat Pra Sekolah*. Fajar Bakti.

Imam al-Ghazali. (2017). *Bidayatul-Hidayah (Permulaan Jalan Hidayah)*. Khazanah Banjariah.

Kroeber, K. (1971). *Styles in Fictional Structure*, New Jersey: Princetown University Press.

Latif, L. (2016). *Pemikiran Imam Al-Ghazali Tentang Pendidikan Akhlak* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim).

Muhammad Rahman Abdul Rahman. (1996). Al-Hadith: Kedudukan dan Peranannya dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 4, 27-40.

Nasaruddin Desa, et.al. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 3(1), 55-63.

Latif, L. (2016). *Pemikiran Imam Al-Ghazali Tentang Pendidikan Akhlak* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim).

Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi, Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, Eizah Mat Hussien & Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi, "Pertentangan Nilai Akhlak Islam Dalam Novel TIVI Menurut Al-Ghazali" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020):185 - 209

Rohayati Derani. (2004). *Persepsi ibu bapa terhadap faktor-faktor keruntuhan akhlak remaja islam masa kini: satu tinjauan di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Rezki Perdani Sawai. et.al. (2019). Akhlak Percintaan dan Rasa Malu. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.

Rosli, T., Muniandy, Y., Jasmi, K. A., Rosli, T., Muniandy, Y., & Jasmi, K. A. (2019). Media Sosial dan Impak Tingkah Laku Menurut Islam. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia.

Rashid, A. M., & Hamid, N. A. A. (2014, December). Undangundang Jenayah Shari'ah, Suatu Sorotan Berhubung Kesalahan Akhlaq. In *Proceeding of the International Conference on Postgraduate Research (ICPR, 2014)* (pp. 1-2).

Suhaida, S., Hos, H. J., & Upe, A. (2018). Pergaulan Bebas di Kalangan Pelajar (Studi Kasus Di Desa Masaloka Kecamatan Kepulauan Masaloka Raya Kabupaten Bomabana). *Jurnal Neo Societal*, 3(2).

Zuliza Mohd. Kusrin, Fariza Md. Sham. (2003). *Undang-Undang & Kerja Sosial Di Malaysia: Kaitannya Dengan Pembangunan Keluarga*. UUM Press.